



KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

a) Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang dikenalpasti berpengalaman dalam bidang yang ditawarkan dan beralamat di **Negeri Selangor** serta berdaftar dengan agensi-agensinya berikut :-

- i) **Kementerian Kewangan Malaysia**
- ii) **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- iii) **Majlis Perbandaran Selayang (MPS)**

b) Kerja-karya yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/SH/72/18	Cadangan Perlantikan Kontraktor Panel Bagi Aktiviti Tali Tinggi Dan Aktiviti Luar Di Taman Rimba Bukit Lagong Majlis Perbandaran Selayang	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Dan Majlis Perbandaran Selayang 221110 (Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar Dan Moderator/Negotiator)	80.00	14/05/2018 hingga 21/05/2018

c) Dokumen sebutharga boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45 tengahari, 2.15 petang – 4.30 petang (Isnin –Khamis), 8.30 pagi – 12.00 tengahari, 3.00 petang – 4.30 petang (Jumaat).

d) Bayaran dokumen sebutharga akan dikenakan **6% Goods & Services Tax (GST)**. Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

e) Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil syarikat dikehendaki membawa bersama **Surat Wakil Kuasa**.

f) Pihak syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :-

- i) Sijil Pendaftaran Asal **Kementerian Kewangan Malaysia**
- ii) Salinan Perakuan Pendaftaran dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

g) Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga.

h) Untuk maklumat lanjut sila hubungi **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan** di talian **03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**